



# Samsung Portable SSD T7 Shield

## Manual Pengguna

MU-PE1T0S MU-PE2T0S MU-PE4T0S

MU-PE1T0K MU-PE2T0K

MU-PE1T0R MU-PE2T0R



# PENAFIAN

SAMSUNG ELECTRONICS CO., LTD. BERHAK UNTUK MENGUBAH PRODUK, MAKLUMAT DAN SPESIFIKASI TANPA NOTIS PADA BILA-BILA MASA.

Maklumat yang disediakan dalam dokumen ini adalah berkenaan produk Samsung Electronics Co., Ltd. ("Samsung"). Keterangan dan spesifikasi produk yang terdapat dalam dokumen ini adalah untuk tujuan rujukan sahaja. Semua maklumat yang dibincangkan dalam dokumen ini boleh berubah tanpa notis pada bila-bila masa dan disediakan atas dasar "SEPERTI YANG TERSEDIA", tanpa sebarang jenis waranti. Dokumen ini dan semua maklumat yang terdapat dalamnya kekal hak milik tunggal dan eksklusif Samsung. Tiada lesen bagi sebarang paten, hak cipta, kerja topeng, tanda dagangan atau sebarang hak harta intelektual lain yang diberi melalui dokumen ini, dinyatakan atau tersirat, estopel atau sebaliknya. Kecuali dinyatakan dalam terma dan syarat jualan sesuatu produk, Samsung menafikan sebarang waranti yang dinyatakan atau tersirat, yang berkaitan dengan jualan dan/atau penggunaan produk Samsung, termasuk liabiliti atau waranti berkaitan dengan kebugaran bagi tujuan tertentu, kebolehpasaran atau perbuatan melanggar sebarang paten, hak cipta atau hak harta intelektual yang lain. Produk Samsung tidak bertujuan untuk digunakan dalam peralatan sokongan hayat, penjagaan kritikal, perubatan, keselamatan, atau penggunaan lain yang seumpamanya di mana kegagalan produk boleh mengakibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan diri atau fizikal, atau sebarang penggunaan ketenteraan atau pertahanan, atau sebarang pemerolehan kerajaan yang mana syarat atau peruntukan khas mungkin berkuat kuasa. Untuk kemas kini atau maklumat tambahan mengenai produk Samsung, hubungi kedai Samsung di tempat anda atau lawati laman web Samsung (<https://www.samsung.com>). Samsung dan logo Samsung adalah tanda dagangan berdaftar Samsung Electronics Co., Ltd. atau ahli gabungannya di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lain-lain nama dan jenama boleh dituntut sebagai harta pihak lain.

Hak Cipta ©2022 Samsung Electronics Co., Ltd. Hak cipta terpelihara.

# Samsung Portable SSD T7 Shield

## Manual Pengguna

### Isi Kandungan

<b>Pengenalan .....</b>	<b>4</b>
<b>Untuk Memulakan.....</b>	<b>6</b>
Kandungan dalam Kotak .....	6
Cara untuk Menyambung / Memutuskan Sambungan .....	6
Keperluan Sistem.....	7
Kapasiti T7 Shield Dipaparkan pada Sistem.....	8
<b>Menggunakan T7 Shield.....</b>	<b>9</b>
Menyambungkan T7 Shield.....	9
Memutuskan sambungan T7 Shield.....	9
Memasang Perisian Samsung Portable SSD 1.0 .....	9
<b>Amaran.....</b>	<b>22</b>
Sandar Data Penting.....	22
Kawal Selamat Kata Laluan Pengguna .....	22
Bersambung kepada Peranti Yang Diperakui; Pematuhan kepada Standard Keselamatan .....	22
Elakkan Gegaran, Getaran.....	22
Jangan Nyahhimpun, Rosakkan atau Tanggalkan Label .....	23
Guna Aksesori Tulen .....	23
Gunakan dalam Persekuturan Suhu dan Kelembapan yang Sesuai.....	23
Gunakan Daya yang Tidak Berlebihan Apabila Mencabut Kabel.....	23
Laksanakan Imbasan Virus dan Kemas Kini.....	23
Bersihkan Produk.....	23
Jauhkan daripada Kanak-kanak, Bayi dan Haiwan .....	23
Jauhkan daripada Lebihan Persekuturan kepada kadar IP65.....	24
SOALAN LAZIM.....	24
<b>Spesifikasi dan Perakuan Produk .....</b>	<b>26</b>
Spesifikasi Produk.....	26
Pematuhan Peraturan.....	26
KC (Perakuan Korea) .....	26
FCC (Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan).....	27
CE (Conformity European).....	27

# Pengenalan

T7 Shield Portable Solid-State Drive (PSSD) membawa bersama kedua-dua prestasi yang luar biasa yang didambakan oleh jurugambar dan jurugambar video, dan ketahanan lama yang diingini kehidupan. Direka bentuk dengan bijak dari dalam ke luar oleh Samsung, T7 Shield yang ringan dan bersaiz poket memberikan pengguna dan pencipta kandungan profesional keyakinan untuk menyimpan data dalam perjalanan tugas mereka dengan pengetahuan bahawa data mereka dilindungi walaupun peranti itu terjatuh, terdedah kepada air atau habuk, atau dibawa dalam kepanasan padang pasir. Ia merupakan tambahan terkini kepada Samsung Portable SSD siri-T yang digemari dan didatangkan bersama perisian Samsung untuk keselamatan tambahan, dan juga akses kepada suit perisian pengurusan Magician Samsung yang unik.

## Prestasi Gred Profesional dan Keupayaan yang Unggul

Samsung Portable SSD T7 Shield menggunakan protokol NVMe™ untuk mengambil manfaat sepenuhnya antara muka USB 3.2 Gen2, menawarkan lebar jalur maksimum sehingga 10Gbps. Prestasi luar biasa T7 Shield membantu menjadikan pemindahan foto dan video pantas dan mudah, menawarkan kelajuan baca/tulis sehingga 1,050/1,000MB/s<sup>1)</sup> masing-masing, yang mana lebih daripada 1.9 kali lebih laju daripada portable SSD berdasarkan SATA yang ada sekarang dan lebih daripada 9.5 kali lebih laju daripada HDD luaran<sup>1)</sup>. T7 Shield juga dioptimumkan secara unik untuk memberikan prestasi baca dan tulis yang cemerlang yang bertahan lama, walaupun pemacu sedang berfungsi menghampiri kapasiti maksimumnya, menyokong kerja berat yang berterusan seperti perakaman, pengeditan video berkualiti tinggi, dan pengekodan, dan membantu melegakan keimbangan terhadap persempahan video atau kualiti yang mungkin diakibatkan oleh prestasi yang tidak konsisten. T7 Shield akan tersedia dalam kapasiti 1TB, 2TB dan 4TB, membolehkan pengguna menyimpan berjam-jam video 8K dan beribu-ribu foto generasi seterusnya.

<sup>1)</sup> Berdasarkan kepada hasil ujian dalaman

## Direka bentuk untuk tahan lama - Ketahanan terhadap Habuk, Air dan Terjatuh

Selama bertahun lamanya, Samsung Portable SSD siri T terkenal kerana padat, boleh dipercayai dan mudah digunakan dalam keadaan sibuk. Samsung sekarang menambahkan ketahanan yang cemerlang kepada portfolio Portable SSDnya dengan T7 Shieldnya. Produk baharu ini dibina dengan badan aluminium yang kukuh dan disaluti dengan getah untuk tahan lasak. Aluminium tersebut menambahkan kekerasan dan kehilangan haba yang amat berkesan oleh sebab pengaliran haba yang tinggi. Lapisan getah yang kuat itu membuatkan peranti itu senang digenggam dan membantu untuk melindunginya daripada calar atau kesan kotoran, dan tahan gegaran luaran. Untuk perlindungan tambahan, Samsung juga menyepadan dua perintang yang meliputi port penghubung USB untuk membantu menghalang air dan habuk daripada masuk. T7 Shield telah memperolehi<sup>2)</sup> pensijilan IP65 daripada sebuah makmal pensijilan yang diiktiraf antarabangsa<sup>3)</sup> dan telah lulus ujian dalaman<sup>4)</sup> yang melibatkan kejatuhan daripada ketinggian sehingga tiga meter (9.8 kaki). Dengan reka bentuk yang tahan lasak ini, pengguna boleh membawa T7 Shield semasa

pengambilan foto di luar atau pengembaraan tanpa risau tentang kerosakan daripada persekitaran semula jadi atau kerana semata-mata nasib yang tidak baik.

<sup>2)</sup> Pengkadar IP merujuk kepada Kod IP atau Kod Perlindungan Kemasukan (Ingress Protection Code) yang didefinisikan dalam IEC 60529 dan memberikan kadar tahap perlindungan yang diberi oleh sarung mekanikal dan kegunaan alat elektrik terhadap habuk dan air.

<sup>3)</sup> Pensijilan kadar IP (KCTL) adalah berkesan di negara-negara dan organisasi - organisasi pentaulianan yang merupakan ahli ILAC. (104 negara) Jika T7 Shield telah direndam di dalam air, keringkannya dengan teliti sebelum menggunakannya. Kerosakan yang disebabkan oleh cecair dan habuk tidak dilindungi waranti.

<sup>4)</sup> Ujian dalaman terhadap gegaran jatuh bebas telah dijalankan di bawah keadaan terkawal.

## Telah Dibina untuk Kegunaan Dalaman dan Luaran

Dengan suhu bukan beroperasi dalam julat -40°C hingga 85°C dan suhu beroperasi dalam julat 0°C hingga 60°C, Samsung Portable SSD T7 Shield direka bentuk untuk tahan suhu yang melampau. Hal ini menjadikan ia ideal bagi mereka yang menyukai aktiviti luaran dan inginkan ketahanan yang lebih, atau, jurugambar atau jurugambar video yang sedang beraksi yang suka kepada cabaran.

## Perisian pengurusan

T7 Shield didatangkan bersama perisian yang telah dipertingkatkan untuk PC dan Mac bagi membantu anda menetapkan kata laluan dan mendapatkan kemas kini perisian tegar yang terkini. Anda boleh juga memuat turunkan aplikasi mudah alih untuk telefon pintar dan tablet Android. Tambahan lagi, perisian Magician menyokong Samsung Portable SSD (daripada Magician 7.0, dikeluarkan pada Sept 2021) supaya pengguna boleh menanda aras prestasi, mengembalikan PSID kepada tetapan kilang, menggunakan fungsi keselamatan (pendaftaran kata laluan) dan menerima kemas kini perisian tegar.

## Keserasian pelbagai peranti

Samsung Portable SSD T7 Shield direka bentuk untuk berhubung dengan peranti-peranti dalam kehidupan anda. T7 Shield mempunyai kecekapan penggunaan kuasa dan memenuhi standard kuasa USB yang membenarkannya serasi dengan pelbagai peranti hos. Secara spesifik, untuk memanjangkan hayat baterinya, T7 Shield direka bentuk untuk beroperasi pada kuasa rendah apabila disambung kepada kebanyakan peranti mudah alih (telefon mudah alih/tablet). Tambahan lagi, T7 Shield memberikan prestasi tulis yang pantas dan kekal, menjadikannya sesuai untuk digunakan oleh pencipta kandungan dan profesional yang mempunyai kamera penyiaran. Dengan kepakaran Samsung dalam mengilangkan pelbagai peranti daripada TV ke produk mudah alih, Portable SSD T7 Shield terkini menyediakan keserasian yang meluas.


\* Keserasian dengan peranti hos mungkin berbeza-beza. Sila lihat senarai peranti yang serasi di [www.samsung.com/support](http://www.samsung.com/support).

# Untuk Memulakan

Sebelum menggunakan Samsung Portable SSD T7 Shield (dirujuk sebagai "T7 Shield"), sila baca Manual Pengguna ini dengan teliti supaya anda mengetahui cara menggunakan produk tersebut dengan selamat dan wajar.


## Kandungan dalam Kotak

- Samsung Portable SSD T7 Shield
- USB C USB 3.2 Gen 2 ke kabel A
- USB C USB 3.2 Gen 2 ke kabel C
- Manual Pantas Pengguna & Penyata Waranti



## Cara untuk Menyambung / Memutuskan Sambungan

- ① Pilih kabel yang sesuai dengan peranti anda. Sambungkan satu hujung kabel kepada peranti dan hujung satu lagi kepada T7 Shield.
- ② Untuk melindungi data, sentiasa gunakan "Eject", "Unmount" atau "Safely Remove Hardware" apabila memutuskan sambungan kepada T7 Shield.



## Keperluan Sistem

### 1. Sokongan Antara muka USB 3.2 Gen 2 (10 Gbps)

USB (Universal Serial Bus) adalah standard antara muka input/output bersiri untuk menyambungkan berbagai peranti. Kelajuan pemindahan data T7 Shield adalah optimum dengan USB 3.2 Gen 2 (10 Gbps) dan menggunakan versi yang lebih rendah seperti USB 3.2 Gen 1 (5Gbps), USB 2.0 dan 1.1 boleh menghasilkan prestasi yang lebih rendah kerana kebatasan antara muka yang ada dalam versi yang lebih rendah tersebut.

\* Prestasi mungkin berbeza bergantung pada sistem pengguna yang T7 Shield bersambung dengannya. Oleh sebab prestasi T7 Shield boleh menjadi suboptimum jika sistem anda tidak menyokong UASP (USB Attached SCSI Protocol) walaupun apabila menggunakan sambungan USB 3.2 Gen 2, sila pastikan bahawa sistem anda menyokong UASP.

### 2. Keperluan Sistem Operasi

- OS Windows: Windows 7 atau lebih tinggi
- OS Mac: Mac OS X 10.10 atau lebih tinggi
- Android: Android Lollipop atau lebih tinggi

\* Versi 4TB T7 Shield hanya serasi dengan OS 64-bit.

### 3. Format Fail

T7 Shield telah di pra format untuk menggunakan exFAT fail, yang mana disokong oleh sistem operasi Windows OS, Mac OS, dan Android. Seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah, sama ada data yang telah diformat kepada format tertentu boleh dibaca atau ditulis kepada komputer anda berbeza bergantung kepada OSnya. Jika anda menggunakan T7 Shield pada hanya satu OS, kami syorkan anda memformatkannya menggunakan format fail yang sesuai untuk OS tersebut.

**Jadual 1:** Sekatan baca/tulis untuk sistem fail mengikut setiap sistem operasi.

Format Fail	OS Windows	OS Mac
exFAT	Kedua-dua baca dan tulis	Kedua-dua baca dan tulis
NTFS	Kedua-dua baca dan tulis	Baca sahaja
HFS	Tidak dapat dicam	Kedua-dua baca dan tulis

\* Apabila menggunakan exFAT pada pelbagai sistem operasi, penulisan data boleh menjadi terkunci dan anda hanya boleh membaca data. Jika masalah seperti ini berlaku, anda boleh mengembalikan akses tulis dengan mengikuti arahan di bawah.

- OS Mac: Sambungkan T7 Shield ke Mac anda sekali lagi, dan kemudian lakukan Eject.
- OS Windows: Apabila menerima notis bahawa akses menulis dinyahadayakan, klik “Scan and fix” untuk menjalankan Check Disk (CHKDSK). Sekiranya anda menutup notis tanpa melakukan Check Disk, anda boleh dengan cara lain melakukan yang berikut: pilih pemacu → klik kanan → Properties → Tools → Check.

## Kapasiti T7 Shield Dipaparkan pada Sistem

Kapasiti yang dilaporkan oleh sistem di mana T7 Shield disambung boleh berbeza daripada kapasiti yang dilabelkan, disebabkan oleh perbezaan antara sistem perpuluhan dan perduaan ukuran dan faktor lain termasuk pemetakan dan pemblokaran pemacu.

\*contoh: OS Windows: 1 GB = 1,024MB, OS Mac: 1GB = 1,000MB

Kapasiti yang dilabelkan menggunakan sistem perpuluhan dan boleh ditukar seperti di bawah:

1 GB=1,000,000,000 bytes, 1 TB=1,000,000,000,000 bytes

Komputer anda mungkin menunjukkan kapasiti yang lebih rendah jika standard ukuran yang berbeza digunakan.

# Menggunakan T7 Shield

## Menyambungkan T7 Shield

Pilih kabel yang sesuai dengan peranti anda. Sambungkan satu hujung kabel kepada peranti dan hujung satu lagi kepada T7 Shield.

## Memutuskan sambungan T7 Shield

Pastikan anda menggunakan ciri Keluarkan Perkakas Dengan Selamat setiap kali anda memutuskan sambungan T7 Shield. Mencabut T7 Shield daripada komputer anda tanpa menggunakan ciri Keluarkan Perkakas Dengan Selamat boleh mengakibatkan kehilangan data atau kerosakan pada T7 Shield.

\* Samsung tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan data pengguna atau kerosakan produk yang disebabkan oleh kegagalan pengguna mematuhi arahan ini.

## Memasang Perisian Samsung Portable SSD 1.0

(Untuk Mod Keselamatan dan kemas kini Perisian Tegar)

(Memasang perisian itu melibatkan langkah-langkah yang sama seperti T7, maka sila lihat gambar untuk T7)

### Untuk PC dan Mac

Dalam Explorer (OS Windows) atau Desktop (OS Mac), pilih aplikasi “Samsung Portable SSD 1.0”.

OS Windows: SamsungPortableSSD\_Setup\_Win\_1.0.exe

OS Mac: SamsungPortableSSD\_Setup\_Mac\_1.0.pkg

\* Memformat petak T7 Shield selepas membelinya akan menyebabkan Perisian Samsung Portable SSD terpadam. Dalam keadaan begitu, sila muat turun aplikasi “Samsung Portable SSD Software 1.0” dari halaman web Samsung (<http://www.samsung.com/samsungssd>).

\* Perisian Samsung Portable SSD 1.0 adalah hanya untuk Siri T7 (T7 Shield, T7 Touch, T7), maka memasang Perisian Samsung Portable SSD 1.0 tidak akan mengeluarkan secara automatik sebarang versi terdahulu Perisian Samsung Portable SSD (versi terdahulu) untuk T3, T5, atau X5 yang telah dipasang pada komputer anda.


## 1. Menjalankan Perisian Samsung Portable SSD 1.0

Pilih ikon aplikasi "Samsung Portable SSD Software 1.0" pada Desktop.

\* Bagi OS Mac, Perisian Samsung Portable SSD 1.0 tidak boleh beroperasi tanpa peranti (pemacu) yang diperlukan didayakan.

## 2. Menetapkan Mod Keselamatan (Pilihan)

Mod keselamatan adalah pilihan. Anda boleh menggunakan T7 Shield tanpa mendayakan ciri keselamatan/kemas kini. Sila ikuti arahan yang terpapar pada setiap skrin Perisian Samsung Portable SSD 1.0. Sebaik sahaja anda bersetuju dengan terma dan syarat Perisian Samsung Portable SSD 1.0, anda boleh menetapkan kata laluan anda melalui langkah-langkah berikut. (Elemen-elemen tertentu Perisian Samsung Portable SSD 1.0 akan dipasang pada komputer pengguna.)




- **Mod keselamatan mati**

Anda boleh menggunakan T7 Shield tanpa menghidupkan mod keselamatan.

- **Keselamatan dengan Kata Laluan**

Anda boleh mendayakan mod keselamatan dengan kata laluan anda. Jika anda terlupa kata laluan anda, anda mesti kembalikan T7 Shield kepada tetapan kilang melalui perkhidmatan dalam talian yang diberi oleh pusat perkhidmatan pelanggan kami. Perlu diingatkan bahawa semua data pengguna yang disimpan dalam T7 Shield akan hilang dengan penetapan semula kilang. Tolong jangan terlupa kata laluan anda.



\* Samsung tidak bertanggungjawab atas kehilangan data pengguna yang disebabkan oleh terlupa kata laluan atau kata laluan dicuri. Dalam usaha untuk menjadikan peranti itu selamat yang mungkin, tiada pilihan untuk mendapatkan semula kata laluan. Pengguna yang terlupa kata laluan mereka mesti kembalikan T7 Shield kepada tetapan kilang melalui perkhidmatan dalam talian yang diberi oleh pusat perkhidmatan pelanggan kami. Perlu diingatkan bahawa semua data pengguna yang disimpan dalam T7 Shield akan hilang dengan penetapan semula kilang. Tolong jangan terlupa kata laluan anda.

\* **Hanya OS Mac**, pemacu “Samsung Portable SSD 1.0” diperlukan untuk kefungsian keselamatan. Jika sambungan kernel tidak dipasang, lengkapkan pemasangannya dengan mengikuti urutan pada pemasangan pakej. Sebaik sahaja selesai dipasang, putuskan sambungan dan sambung semula T7 Shield untuk mengesahkan bahawa pemasangan telah berjaya.

\* **Hanya OS Mac**, pemacu “Samsung Portable SSD 1.0” dan beberapa pemacu pihak ke 3, termasuk SATSMARTDriver, adalah saling eksklusif. Jika anda ingin menggunakan SATSMARTDriver, sila keluarkan pemacu Samsung Portable SSD dan pasang SATSMARTDriver mengikut yang berikut.

\* Jika kedua-dua Pemacu Samsung Portable SSD dan SATSMARTDriver dipasang dan konflik dikesan, arahan seperti berikut akan didapati:

#### **Cara mengeluarkan Pemacu Samsung Portable SSD dan memasang SATSMARTDriver**

```
#sudo kextunload /Library/Extensions/SamsungPortableSSDDriver.kext
```

```
#sudo kextload /Library/Extensions/SATSMARTDriver.kext
```


#### **Cara mengeluarkan SATSMARTDriver dan memasang Pemacu Samsung Portable SSD**

```
#sudo kextunload /System/Library/Extensions/SATSMARTDriver.kext
```

```
#sudo kextload /Library/Extensions/SamsungPortableSSDDriver.kext
```

### 3. Buka kunci

Jika anda telah mendayakan mod keselamatan, anda mesti masukkan kata laluan anda dan klik butang “UNLOCK (BUKA KUNCI)” sebelum mengakses data dalam T7 Shield setiap kali anda menyambungkan T7 Shield kepada komputer anda. Jika anda gagal untuk membuka kunci, akses anda akan terbatas kepada kapasiti kira-kira 128MB yang diperuntukkan kepada SamsungPortableSSD\_1.0.exe dan SamsungPortableSSD\_1.0.app, yang bermakna anda akan terkunci di luar daripada data yang dilindungi.



\* Bergantung kepada persekitaran pengguna, “SamsungPortableSSD Software 1.0” mungkin tidak dijalankan secara automatik. Dalam keadaan demikian, sila dwiklik ikon “SamsungPortableSSD Software 1.0” dalam Explorer pada Windows atau Destop pada Mac.

\* Mod keselamatan mungkin disokong oleh versi tertentu setiap OS (atau lebih tinggi) sahaja. Sila periksa sama ada OS anda memenuhi keperluan sistem dan menyokong mod keselamatan.

\* Jika mod keselamatan didayakan, hanya kapasiti petak keselamatan dalam T7 Shield akan dipaparkan pada awalnya. Petak keselamatan ini adalah kira-kira ~128 MB. Sebaik sahaja anda memasukkan kata laluan anda dan berjaya membuka kunci, kapasiti penuh T7 Shield akan dipaparkan dalam sistem anda.

\* Anda boleh memilih Samsung Portable SSD yang lain dengan mengklik nama T7 Shield pada panel kiri tersebut. Perisian Samsung Portable SSD menyenaraikan keseluruhan peranti hos (sehingga 6) yang Portable Samsung SSD bersambung dengannya.


#### 4. Perubahan dalam Tetapan

Anda boleh mengubah tetapan mod keselamatan/nama pengguna/kata laluan T7 Shield anda dengan mengklik pada butang “SETTINGS (TETAPAN)” dalam laman utama. Apabila menggunakan komputer tanpa perisian keselamatan, anda boleh memuat turunkan fail pemasangan (“SamsungPortableSSD\_Setup\_Win\_1.0.exe” untuk OS Windows, “SamsungPortableSSD\_Setup\_Mac\_1.0.pkg” untuk OS Mac) daripada halaman web Samsung (<http://www.samsung.com/samsungssd>) dan memasangkannya untuk mengubah tetapannya.

- **Mod keselamatan**


Untuk menukar mod keselamatan kepada ON (HIDUP) atau OFF (MATI), sila klik butang togol dan masukkan kata laluan yang betul. Rujuk kepada jadual di bawah untuk penerangan penunjuk status keselamatan T7 Shield.


Status		Huraian
	Dikunci	Ia menandakan bahawa mod keselamatan hidup, tetapi pengguna belum membuka kunci T7 Shield. Anda boleh membuka kunci T7 Shield pada halaman membuka kunci.
	Dibuka kunci	Ia menandakan bahawa mod keselamatan telah dihidupkan dan pengguna telah membuka kunci T7 Shield. Anda boleh melihat kapasiti storan pada laman utama dan mengubah tetapan.
Tiada ikon	Mod keselamatan MATI	Hal demikian adalah apabila keselamatan MATI. Anda boleh melihat kapasiti storan pada laman utama dan mengubah tetapan.



- **Nama/Kata Laluan**


Anda boleh mengubah Nama dan Kata Laluan anda. Sila klik butang “CHANGE (UBAH)” untuk mengubah kata laluan anda.






## 5. Kemas kini Perisian dan Produk tegar

Jika komputer anda bersambung dengan Internet, bilangan kemas kini Perisian/Perisian Tegar yang tersedia akan dipaparkan di bahagian bawah panel kiri.



Dengan mengklik pada butang “UPDATE (KEMAS KINI)” ( ), anda boleh pergi ke halaman kemas kini.



Dengan mengklik pada butang “UPDATE (KEMAS KINI)” ( ), anda boleh memuat turunkan perisian (“SW”) atau perisian tegar (“FW”) terkini dan mengemaskinikannya.

Dengan mengklik pada butang togol “Check for Update Automatically (Periksa Kemas Kini Secara Automatik)” ( ), anda boleh memilih sama ada SW dan FW dikemaskinikan secara automatik pada bila-bila masa Samsung Portable SSD disambung.

Dengan mengklik pada butang segar semula ( ), anda boleh menyegarkan semula status kemas kini.

Dengan mengklik pada butang anak panah bawah ( ), anda boleh melihat maklumat terperinci pada kemas kini yang berkenaan.

\* Apabila pengguna mengubah “Check for Update Automatically (Periksa Kemas Kini Secara Automatik)” daripada OFF (MATI) kepada ON (HIDUP), SW tidak menyegarkan semula maklumat kemas kini serta-merta. Maklumat kemas kini disegarkan semula apabila sama ada pengguna mengklik pada butang segar semula atau Samsung Portable SSD disambungkan kepada komputer.

\* Untuk pengemaskinian FW, mod keselamatan perlu DIMATIKAN. Sebarang akses kepada T7 Shield, termasuk menyalin/memadam/memformat petak, sementara FW sedang dikemaskinikan, boleh menyebabkan kelakuan tidak normal atau kerosakan pada T7 Shield.

\* Sebaik sahaja FW dikemaskinikan, sila putuskan sambungan dan sambung semula T7 Shield untuk mengesahkan bahawa pengemaskinian FW telah berjaya.

## 6. Padam “Samsung Portable SSD Software”

Memadamkan perisian pada setiap OS

OS Komputer		Huraian
OS Windows	Jika pengguna memasang SW menggunakan SamsungPortableSSD_Setup_Win_1.0.exe	Perisian boleh dinyahpasang melalui “Uninstall or change a program”. Pergi ke Control panel → Programs → Programs and Features → Uninstall or change a program → Dwiklik “Samsung Portable SSD Software 1.0” dan pilih “Yes”
	Jika pengguna memasang SW menggunakan SamsungPortableSSD_1.0.exe	Perisian perlu dipadam secara manual dengan menjalankan PSSD_Cleanup.bat pada laluan pemasangan aplikasi. (Biasanya C:\Program Files(x86)\Samsung\Portable_SSD\PSSD_CleanUp.bat) Sila rujuk SOALAN LAZIM pada laman web Samsung ( <a href="http://www.samsung.com/samsungssd">http://www.samsung.com/samsungssd</a> ) untuk maklumat lanjut.
OS Mac		Perisian perlu dipadam secara manual dengan menjalankan CleanupT7PlusAll.scpt pada laluan pemasangan SW. (Biasanya #osascript ~/Library/ApplicationSupport/Portable_SSD/CleanupT7PlusAll.scpt) *Pembersih pihak ketiga seperti AppCleaner mungkin tidak memadam SW “Samsung Portable SSD” sepenuhnya. Sila rujuk SOALAN LAZIM pada laman web Samsung ( <a href="http://www.samsung.com/samsungssd">http://www.samsung.com/samsungssd</a> ) untuk maklumat lanjut.

## 7. Pilih Bahasa Lalai SW

Bahasa lalai boleh dipilih di bawah Tetapan Kawasan.

## Untuk peranti Android

### 1. Muat Turun Aplikasi daripada Google Play Store


Anda boleh memuat turunkan aplikasi "Samsung Portable SSD 1.0" daripada App store.

### 2. Menjalankan Aplikasi

Sila jalankan Aplikasi yang telah dipasang.

### 3. Menetapkan Mod Keselamatan


Kata laluan yang disimpan dalam T7 Shield selepas bersambung dengan komputer boleh juga digunakan pada Android.



\* Samsung tidak bertanggungjawab atas kehilangan data pengguna yang disebabkan oleh terlupa kata laluan atau kata laluan dicuri. Dalam usaha untuk menjadikan peranti itu selamat yang mungkin, tiada pilihan untuk mendapatkan semula kata laluan. Pengguna yang terlupa kata laluan mereka mesti kembalikan T7 Shield kepada tetapan kilang melalui perkhidmatan dalam talian yang diberi oleh pusat perkhidmatan pelanggan kami. Perlu diingatkan bahawa semua data pengguna yang disimpan dalam T7 Shield akan hilang dengan penetapan semula kilang. Tolong berhati-hati supaya tidak terlupa kata laluan anda.


#### 4. Buka kunci T7 Shield

Jika anda telah mendayakan mod keselamatan, anda mesti masukkan kata laluan anda dan klik butang “UNLOCK (BUKA KUNCI)” sebelum mengakses data dalam T7 Shield setiap kali anda menyambungkan T7 Shield kepada peranti anda.




## 5. Skrin Laman Utama

Jika mod keselamatan tidak didayakan dalam T7 Shield anda, anda boleh mengakses skrin Tetapan dengan mengklik pada butang “SETTINGS (TETAPAN)” dalam laman utama.



## 6. Skrin Tetapan


Anda boleh mengubah nama pengguna atau kata laluan dan MENGHIDUPKAN/MEMATIKAN mod keselamatan.



## 7. Mengemaskinikan SW dan FW

Untuk pergi ke skrin kemas kini, klik butang Update page (Halaman Kemas Kini) (  ) pada skrin Laman Utama. Jika sebarang kemas kini tersedia, butang “UPDATE (KEMAS KINI)” (  ) akan diserahkan. Jika terdapat aplikasi yang perlu dikemaskinikan, mengklik butang UPDATE (KEMAS KINI) akan memaparkan pautan ke ‘App store’.

\* Pengemaskinian perisian tegar memerlukan sambungan kepada komputer.



## 8. Memadamkan Aplikasi “Samsung Portable SSD” pada Android

Buka apl Tetapan peranti android anda dan ketik Apl atau pengurus Aplikasi. Ketik “Samsung Portable SSD” dan nyahpasang.

## 9. Pilih Bahasa Lalai

Bahasa lalai boleh dipilih di bawah tetapan bahasa sistem Android.

\* Laluan: Android apps - Settings – Language

# Amaran

Kegagalan mengikuti arahan dan amaran dalam setiap seksyen manual ini boleh mengakibatkan kecederaan kepada pengguna, kerosakan kepada produk atau kehilangan data. Sila baca dengan teliti sebelum menggunakan produk ini.

## Sandar Data Penting

Tiada sistem komputer yang selamat sepenuhnya. Samsung tidak memberikan sebarang bentuk jaminan dan/atau waranti terhadap kehilangan data pada T7 Shield dalam apa jua keadaan. Samsung menafikan sebarang dan semua liabiliti daripada tekanan emosi dan/atau fizikal dan/atau kerugian kewangan atau sebarang bentuk kehilangan yang disebabkan oleh kehilangan dan/atau pemulihian data yang disimpan pada T7 Shield. Pastikan anda sentiasa membuat sandaran untuk data penting.

## Kawal Selamat Kata Laluan Pengguna

Oleh sebab T7 Shield menggunakan teknologi penyulitan lanjut, data pengguna tidak boleh diakses jika kata laluan pengguna hilang atau terlupa. Sila tulis kata laluan anda dan simpannya di tempat yang selamat. Jika T7 Shield tidak boleh digunakan kerana kegagalan pengguna memasukkan kata laluan yang betul, satu-satunya cara untuk mengembalikan T7 Shield adalah menetapkannya semula kepada tetapan kilang melalui perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh Pusat Perkhidmatan Samsung. Walau bagaimanapun, mengembalikan peranti kepada tetapan kilang akan mengakibatkan kehilangan sepenuhnya semua data pengguna. Sila pastikan anda selalu membuat sandaran untuk data penting.

## Bersambung kepada Peranti Yang Diperakui; Pematuhan kepada Standard Keselamatan

T7 Shield telah direka bentuk bagi mematuhi had penggunaan kuasa mengikut standard keselamatan. Sila gunakan peranti dan port antara muka yang mematuhi standard yang berkaitan.

## Elakkan Gegaran, Getaran

T7 Shield beroperasi tanpa sebarang masalah dan hanya mengalami kerosakan permukaan yang terbatas selepas menjalani ujian jatuh dalam keadaan terkawal. Ujian jatuh terdiri daripada 4 kali jatuh bebas dari ketinggian 3 meter ke atas lantai keluli. Walau bagaimanapun, tahap ketahanan jatuh T7 Shield boleh berbeza bergantung kepada persekitaran sebenar, dan kerosakan akibat kejatuhan tersebut tidak dilindungi oleh waranti.

## Jangan Nyahhimpun, Rosakkan atau Tanggalkan Label

Jangan nyahhimpun T7 Shield atau rosakkan atau tanggalkan pelekat atau label pada T7 Shield. Semua waranti akan terbatal jika T7 Shield telah dinyahhimpun, dirosakkan, atau jika label telah ditanggalkan oleh pengguna. Bagi tujuan membaiki, sila hubungi hanya Pusat Perkhidmatan Samsung atau penyedia perkhidmatan lain yang dilantik oleh Samsung.

## Guna Aksesori Tulen

Sentiasa menggunakan alat ganti dan aksesori yang tulen yang diperakui oleh Samsung. Samsung tidak akan bertanggungjawab atas kerosakan T7 Shield atau kehilangan data pengguna yang disebabkan oleh penggunaan alat ganti atau aksesori tidak tulen.

## Gunakan dalam Persekutaran Suhu dan Kelembapan yang Sesuai

Gunakan T7 Shield hanya dalam persekitaran yang sesuai: suhu dalam julat antara 5°C - 35°C dan aras kelembapan antara 10 - 80%.

## Gunakan Daya yang Tidak Berlebihan Apabila Mencabut Kabel

Jangan tarik atau cabut kabel T7 Shield menggunakan daya yang berlebihan. Ia boleh menyebabkan sambungan yang tidak stabil atau kerosakan kepada penyambung.

## Laksanakan Imbasan Virus dan Kemas Kini

Sila ikuti garis panduan keselamatan berikut untuk mencegah jangkitan virus.

- Pasang program antivirus pada komputer yang disambung dengan T7 Shield dan lakukan imbasan virus secara kerap.
- Sentiasa kemas kinikan sistem operasi dan perisian antivirus kepada versi terkini.
- Selepas memuatturunkan fail kepada T7 Shield, sentiasa lakukan imbasan virus sebelum membuka fail.

## Bersihkan Produk

Anda disyorkan supaya membersihkan T7 Shield dengan mengelap perlahan-lahan permukaannya menggunakan kain yang lembut. Jangan gunakan air, bahan kimia atau detergen. Hal ini boleh mengakibatkan penyahwarnaan atau kakisan pada luaran T7 Shield, dan boleh juga menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik.

## Jauhkan daripada Kanak-kanak, Bayi dan Haiwan

Bahagian-bahagian kecil menimbulkan risiko berlakunya kelemasan. Tolong jauhkan T7 Shield daripada kanak-kanak, bayi atau haiwan untuk mencegah mereka daripada memasukkan T7 Shield atau bahagiannya ke dalam mulut.

## Jauhkan daripada Lebihan Persekutaran kepada kadar IP65

T7 Shield mempunyai pengkadar \*IP65 yang berdasarkan kepada ujian dalaman yang dijalankan dalam keadaan terkawal. Keupayaan ketahanan air dan habuk boleh berbeza bergantung kepada keadaan persekitaran sebenar. Kerosakan yang disebabkan oleh cecair dan habuk tidak dilindungi waranti.

\* Keadaan Ujian IPX5: T7 Shield didedahkan kepada air segar yang diunjurkan daripada satu muncung ( $\Phi 6.3\text{mm}$ ) yang jaraknya 3 meter pada  $12.5 \text{l/min}$  selama 3 minit.

Keadaan Ujian IP6X: T7 Shield didedahkan kepada  $2\text{kg}/\text{m}^3$  habuk aktif dengan tekanan bawah  $2\text{kPa}$  selama 8 jam dalam bilik hampagas. Pengkadar IP65 diuji dalam keadaan terkawal.

## SOALAN LAZIM

Saya tidak boleh jalankan Perisian Samsung Portable SSD 1.0.	<p>Perisian Samsung Portable SSD 1.0 hanya boleh dijalankan pada versi OS tertentu (atau lebih baharu).</p> <p>Sila lihat di bawah untuk versi OS yang disokong:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• OS Windows: Windows 7 atau lebih tinggi</li> <li>• OS Mac: Mac OS X 10.10 atau lebih tinggi</li> </ul>
Mesej "Storan USB dikeluarkan dengan tidak dijangka" terpapar pada bar status peranti mudah alih saya.	Bagi menggunakan Perisian Samsung Portable SSD 1.0, kebenaran untuk mengakses peranti USB diperlukan. Mesej ini muncul apabila kebenaran akses dikeluarkan daripada peranti mudah alih. Apabila anda melancarkan apl Samsung Portable SSD mudah alih, anda boleh menggunakan T7 Shield semula seperti biasa.
Apabila saya sambungkan T7 Shield kepada peranti lain selain daripada PC, ia tidak cam T7 Shield.	T7 Shield dibangunkan untuk digunakan pada PC OS Windows, OS Mac dan peranti mudah alih. Apabila disambung kepada peranti lain selain daripada yang dinyatakan, T7 Shield mungkin tidak dicam atau penggunaan ciri-cirinya mungkin terhad bergantung kepada tahap sokongannya. Tambahan lagi, jika anda telah mendayakan mod keselamatan dengan Kata laluan, anda tidak boleh masukkan kata laluan anda dari bukan PC atau bukan peranti mudah alih dan maka anda tidak dapat mengakses data yang tersimpan pada T7 Shield. Sila nyahdayakan mod keselamatan sebelum menggunakan T7 Shield bersama peranti seumpama itu.
Saya telah hilang kata laluan saya. Bolehkah saya menyahdayakan mod keselamatan?	Tidak, anda tidak boleh. Jika anda hilang kata laluan anda, anda tidak boleh menyahdayakan mod keselamatan. Maka, pastikan anda tidak hilangkannya.
T7 Shield saya tidak dicam oleh peranti-peranti.	<p>Sila pastikan T7 Shield disambung dengan betul kepada port USB.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesetengah PC mungkin tidak mengcam T7 Shield apabila disambung kepada port USB 2.0 jika arusnya melebihi had maksimum (<math>500 \text{ mA}</math>) seperti yang diterangkan dalam Spesifikasi Kuasa. Dalam keadaan tersebut, sila cuba port USB yang lain.</li> <li>• Jika anda menggunakan kabel selain daripada yang terdapat dalam pakej produk, T7 Shield mungkin tidak dicam.</li> </ul> <p>Jika T7 Shield telah disambung dengan betul tetapi masih tidak dicam oleh peranti-peranti, cari Pusat Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Manual Pengguna atau pada laman web Samsung (<a href="http://www.samsung.com">http://www.samsung.com</a>), dan buat pertanyaan.</p>

Apakah keadaan tahan air dan tahan habuk untuk T7 Shield?	<p>T7 Shield adalah terkadar dengan pengkadaran IP65.</p> <p>Walau bagaimanapun, keupayaan ketahanan air dan habuk boleh berbeza bergantung kepada keadaan persekitaran. Waranti tidak termasuk perlindungan atas kerosakan yang disebabkan oleh cecair atau habuk.</p> <p>Pengkadaran dan gred IP (Perlindungan Kemasukan) merujuk kepada gred ketahanan air dan habuk yang diiktiraf melalui ujian dalam keadaan terkawal.</p> <p>Keadaan untuk ujian IP65 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Keadaan Ujian IPX5: Peranti didedahkan kepada air segar yang diunjurkan daripada satu muncung (<math>\Phi 6.3\text{mm}</math>) yang jaraknya 3 meter pada <math>12.5 \text{l/min}</math> selama 3 minit.</li> <li>* Keadaan Ujian IP6X: Peranti didedahkan kepada <math>2\text{kg}/\text{m}^3</math> habuk aktif dengan tekanan bawah <math>2\text{kPa}</math> selama 8 jam dalam bilik hampagas.</li> </ul> <p>(Ujian di atas melibatkan semburan jet air bersih bertekanan rendah dan kemasukan habuk dari pelbagai arah.)</p>
Apakah keadaan untuk ujian jatuh T7 Shield?	<p>Ujian jatuh bagi T7 Shield dilakukan dalam keadaan terkawal dengan cara berikut.</p> <p>T7 Shield dijatuhkan (jatuh bebas) ke atas piring logam dari ketinggian sehingga 3 meter sebanyak empat kali.</p> <p>Tahap ketahanan jatuh T7 Shield boleh berbeza bergantung kepada keadaan persekitaran sebenar, dan kerosakan akibat kejatuhan tersebut tidak dilindungi oleh waranti.</p>
Adakah T7 Shield dilindungi waranti jika berlaku kemasukan habuk?	<p>Keupayaan ketahanan air dan habuk T7 Shield boleh berbeza bergantung kepada keadaan persekitaran. Waranti tidak melindungi kerosakan akibat kemasukan cecair atau habuk yang di luar keadaan yang dihadkan itu.</p>
Adakah waranti melindungi T7 Shield yang telah rosak kerana jatuh?	<p>Tahap ketahanan jatuh boleh berbeza bergantung kepada keadaan persekitaran sebenar, dan kerosakan akibat kejatuhan tersebut tidak dilindungi oleh waranti.</p>
Apa patut saya lakukan jika T7 Shield terendam atau disembur dengan air?	<p>Mula-mula, keringkan dengan tuala kering, tisu, dsb. (bahagian bersambung penyambung, terutamanya). Rendaman dan kelembapan boleh menyebabkan kegagalan, maka hentikan menggunakan T7 Shield sehingga ia betul-betul kering.</p>
Bolehkan saya gunakan T7 Shields di luar rumah (contoh, dalam keadaan hujan atau bersalji)?	<p>Apabila air masuk ke kawasan penyambung semasa penggunaan, kebocoran itu boleh merosakkan T7 Shield dan bahagian yang bersambung.</p> <p>Tolong jangan gunakan T7 Shield di luar rumah jika sedang hujan atau turun salji.</p>
Adakah kabel yang datang bersama dengan T7 Shield juga tahan air?	<p>Kabel yang disediakan bersama dengan T7 Shield tidak tahan air. Jangan gunakan kabelnya ketika ia basah kerana ia boleh menyebabkan kegagalan.</p>

# Spesifikasi dan Perakuan Produk

## Spesifikasi Produk

Model	MU-PE1T0	MU-PE2T0	MU-PE4T0
Kapasiti	1TB	2TB	4TB
Antara muka	USB 3.2 Gen 2 (10Gbps), serasi ke belakang		
Kelajuan Pemindahan Data*	1,050 MB/s		
Dimensi	57 x 86 x 12.5 mm (P x L x T)		
Berat	Sehingga 97 g		
Spesifikasi Sistem Pengguna Yang Disyorkan	Windows 7 atau lebih tinggi, OS X 10.10 Mac atau lebih tinggi, Lollipop Android (versi 5.1) atau lebih tinggi	Windows 7 (64 bit sahaja) atau lebih tinggi; OS X 10.10 Mac atau lebih tinggi; atau Lollipop Android (versi 5.1) atau lebih tinggi	Windows 7 (64 bit sahaja) atau lebih tinggi; OS X 10.10 Mac atau lebih tinggi; atau Lollipop Android (versi 5.1) atau lebih tinggi

\* Kelajuan pemindahan data maks diukur berdasarkan kepada standard ujian dalaman Samsung dengan kabel USB yang disertakan. Prestasi mungkin berbeza bergantung kepada konfigurasi hos. Bagi mencapai kelajuan pemindahan maksimum 1,050 MB/s, peranti hos dan kabel sambungan mesti menyokong USB 3.2 Gen 2 dan mod UASP mesti didayakan.

## Pematuhan Peraturan



### KC (Perakuan Korea)

Simbol Pengenalan: Rujuk di bawah

Nama: Samsung Electronics Co., Ltd.

Pengilang / Negara Pengilang: Samsung Electronics Co. Ltd / Republik Korea

Tahun dan Bulan Dikilangkan: Ditandakan berasingan

Pengkadar / Model: Rujuk di bawah

Pengilang: SAMSUNG Electronics Co. Ltd.

Model	Pengkadar		Simbol Pengenalan
MU-PE1T0	5V	1.5A	R-R-SEC-MU-PE1T0
MU-PE2T0	5V	1.5A	R-R-SEC-MU-PE2T0
MU-PE4T0	5V	1.5A	R-R-SEC-MU-PE4T0

\* Peranti untuk kegunaan rumah yang patuh EMC (Kelas B) ini bertujuan untuk kegunaan persekitaran domestik dan boleh digunakan di mana-mana kawasan.



## FCC (Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan)

Peraturan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan (FCC) Amerika Syarikat

Perhatikan bahawa sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan secara jelas oleh pihak yang bertanggungjawab atas pematuhan peraturan boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan ini.

Peralatan ini telah diuji dan disahkan mematuhi FCC CFR Bahagian 15, Sekatan atas Peranti Digital Kelas B.

Sekatan ini dilaksanakan bagi mencegah pemancaran gelombang magnetik elektronik yang berbahaya apabila peranti digunakan di persekitaran residen. Peralatan ini menjana, menggunakan dan memancarkan tenaga frekuensi radio dan boleh mengakibatkan gangguan radio yang memudaratkan kepada komunikasi wayarles jika tidak dipasang dan digunakan menurut garis panduannya. Walau bagaimanapun, ia tidak menjamin ketiadaan gangguan dalam persekitaran tertentu. Jika berlaku gangguan radio yang memudaratkan pada penerimaan radio atau TV apabila peranti dihidupkan atau dimatikan, pengguna mesti mencegah gangguan tersebut melalui satu daripada langkah-langkah berikut.

- Laraskan arah atau alih antena penerimaan
- Tambahkan jarak antara peralatan dengan penerima.
- Sambungkan penerima dan peranti pada saluran keluar di litar yang berasingan
- Dapatkan bantuan daripada juruteknik radio/TV yang berkelayakan atau penjual
- Peranti ini mematuhi Bahagian 15 Peraturan FCC
- Peranti ini tidak mengakibatkan gangguan elektromagnet
- Jika sebarang gangguan diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan masalah operasi kepada peranti, ia boleh dikendalikan dengan dua syarat yang memastikan operasi normal. Produk ini direka bentuk untuk kegunaan dalam rumah sahaja.

\* Notis FCC: Perhatikan bahawa sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan secara jelas oleh pihak yang bertanggungjawab atas pematuhan peraturan, boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peranti ini.

Pengemar Unik: Periksa label pada produk

Pihak yang Bertanggungjawab: Samsung Electronics America QA Lab

19 Chapin Rd. Building D Pine Brook NJ 07058

Tel: 1-973-808-6362, Faks: 1-973-808-6361



## CE (Conformity European)

Dengan ini mengakui bahawa produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan dengan Arahan 2014/30/EU, 2014/35/EU dan 2011/65/EU.

Kegunaan dalam bangunan sahaja.



## Maklumat Kontak EU Compliance

Samsung  
PO Box 12987, Dublin. IE atau  
Euro QA Lab, Saxony Way, Yateley, GU46 6GG UK



## WEEE (Peralatan Elektrik dan Elektronik Sisa)

Tanda pada produk ini, aksesori atau risalah menunjukkan bahawa produk tersebut dan aksesori elektroniknya (contoh pengelas, set kepala, kabel USB) tidak seharusnya dibuang bersama sisa isi rumah yang lain pada akhir hayat kerjanya. Bagi mencegah kemudaratian yang mungkin kepada persekitaran atau kesihatan manusia daripada pembuangan sisa yang tidak terkawal, tolong asingkan item ini daripada sisa jenis lain dan kitarkannya semula dengan bertanggungjawab untuk menggalakkan penggunaan semula yang bertahan atas sumber bahan.

Pengguna isi rumah seharusnya menghubungi penjual di mana mereka membeli produk ini atau pejabat kerajaan setempat mereka, bagi mendapatkan butiran tempat dan cara untuk mereka mengitar semula dengan selamat.

Pengguna perniagaan seharusnya menghubungi pembekal mereka dan semak terma dan syarat kontrak pembelian. Produk ini dan aksesori elektroniknya tidak sepatutnya dicampur dengan sisa komersial yang lain apabila dibuang.

## Inovasi, Sains dan Pembangunan Ekonomi Kanada

Perkakas digital Kelas B ini memenuhi semua keperluan Peraturan Peralatan yang Akibatkan Gangguan Kanada.

Label Pematuhan ICES-003  
CAN ICES-3 (B)/NMB-3(B)

## Triman



**Points de collecte sur [www.quefairedemesdechets.fr](http://www.quefairedemesdechets.fr)**  
**Privilégiez la réparation ou le don de votre appareil !**

Dekri Perancis No. 2014-1577 telah mewajibkan, bermula dari 1 Januari 2015, untuk mencetak Logo Triman pada produk dan bungkusan yang boleh dikitar semula yang dijual kepada pengguna di Perancis.